

## **PERTANDINGAN FOTOGRAFI & VIDEOGRAFI**

### **Syarat-syarat Penyertaan Pertandingan Fotografi & Videografi**

Pertandingan Fotografi & Videografi merupakan satu pertandingan kandungan terbitan tempatan terbaik yang bertemakan **Perubahan Iklim**. Pertandingan ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia. Pertandingan dibahagikan kepada dua kategori; **Fotografi** dan **Videografi**.

Objektif bagi pertandingan ini adalah seperti berikut:

1. Memupuk minat dan kreativiti di kalangan warganegara Malaysia dalam mempromosikan gaya hidup hijau;
2. Mencungkil bakat dalam kalangan warganegara Malaysia terhadap potensi dan membuka peluang dalam industri kreatif;
3. Memupuk warganegara Malaysia tentang semangat menghargai alam sekitar dan kesan perubahan iklim terhadap negara.

#### **Fotografi:**

Format Gambar:	JPEG / High Resolution
Saiz Fail:	Tidak melebihi 5 MB
Kapsyen:	Setiap gambar hendaklah disertakan kapsyen yang rasional tidak melebihi 20 patah perkataan

#### **Videografi:**

Durasi Penyertaan:	3-5 Minit
Format Video:	1080Hd MP4 / MOV
Saiz Fail:	Tidak melebihi 100MB

**Tarikh Mula Penyertaan** bagi kedua-dua kategori ialah **16 September 2020** manakala **Tarikh Tutup Penyertaan 13 Oktober 2020**

## SYARAT PENYERTAAN

### A. Maklumat Pertandingan:

1. Pertandingan Fotografi & Videografi adalah inisiatif daripada Malaysian Green Technology and Climate Change Centre dengan kerjasama Kementerian Alam Sekitar dan Air.
2. Pertandingan ini dibuka dari **16 September 2020 hingga 13 Oktober 2020**.
3. Tema bagi fotografi dan videografi adalah **PERUBAHAN IKLIM** dan mestilah berbahasa Malaysia.

### B. Terma dan syarat pertandingan:

1. Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia.
2. Penyertaan mesti dihantar selewat-lewatnya pada 13 Oktober 2020 kepada Sekretariat Pertandingan seperti yang dinyatakan di bawah. Penyertaan yang diterima selepas 13 Oktober 2020 tidak akan dilayan.
3. Penyertaan bagi **Kategori Fotografi** hendaklah mempunyai elemen Perubahan Iklim berserta kapsyen yang rasional yang tidak melebihi 20 patah perkataan.
4. Setiap peserta terhad untuk menghantar sebanyak 3 (tiga) penyertaan fotografi sahaja. Walau bagaimanapun, hanya satu gambar terbaik akan dipilih untuk dinilai oleh pihak juri.
5. Penyertaan bagi **Kategori Videografi** hendaklah memaparkan elemen Perubahan Iklim hendaklah diantara 3-5 minit dan elemen-elemen yang mampu membentuk kesedaran mengenai perubahan iklim di kalangan masyarakat.
6. Penyertaan boleh dihantar dalam bentuk dokumentari, sketsa pendek, iklan atau mesej khidmat awam.
7. Penyertaan hendaklah memaparkan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia dan tidak menyinggung mana-mana pihak.

8. Produksi mestilah karya asal pemohon dan tidak pernah menyertai di dalam mana-mana festival filem/video peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

9. Setiap produksi terhad untuk menghantar sebanyak 2 (dua) penyertaan videografi sahaja. Walau bagaimanapun, hanya satu video terbaik akan dipilih untuk dinilai oleh pihak juri.
10. Bukti penghantaran tidak dianggap bukti penerimaan. E-mel pengesahan rasmi penerimaan akan dikeluarkan oleh Sekretariat Pertandingan Fotografi dan Videografi.
11. Sekretariat berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap.
12. Gambar, video dan bahan-bahan lain yang diterima tidak akan dikembalikan.
13. Penyertaan akan dibatalkan sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/diciplak.
14. Kemenangan peserta akan dibatalkan dan hadiah-hadiah yang diterima akan ditarik balik sekiranya hasil karya tidak asli/diciplak.
15. Keputusan Panel Juri adalah muktamad. Sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.
16. Hakcipta produksi adalah hakmilik peserta. Peserta mestilah membenarkan Pertandingan Fotografi & Videografi menggunakan produksi tersebut bagi tujuan promosi dan siaran sebelum, semasa dan selepas pertandingan.
17. Peserta juga mestilah membenarkan suntingan dibuat terhadap gambar dan video penyertaan bagi tujuan penyiaran.
18. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua bentuk tuntutan berkaitan dengan produksi terhadap peserta oleh mana-mana pihak yang berkenaan.
19. Borang Penyertaan lengkap hendaklah disertakan dengan:
  - a. Gambar/Video penyertaan di dalam link yang boleh diakses oleh pihak Sekretariat.
  - b. Perakuan penyertaan adalah kerja asli
20. Penyertaan perlu dihantar melalui e-mel ke [secretariat@greentechmalaysia.my](mailto:secretariat@greentechmalaysia.my).

**BORANG PENYERTAAN**

**Nama Penuh** (seperti dalam KP): .....

**No. Kad Pengenalan** (baharu): .....

**Umur:** ..... **Tarikh Lahir:** ..... **Jantina:** .....

**Pekerjaan:** .....

**Alamat:** .....

.....

.....

**No. Tel:** ..... **E-mel:** .....

**Kategori Penyertaan: Fotografi / Videografi**

**Nama Penuh Ahli Produksi berserta No. Kad Pengenalan (sekiranya ada):**

1. ....

2. ....

3. ....

**Tandatangan:** .....

**Tarikh:** .....

## **PERAKUAN**

Berkenaan dengan penyertaan saya dalam Pertandingan Fotografi dan Videografi MGTC, saya, yang bertandatangan di bawah, dengan ini bersetuju dengan terma dan syarat berikut:

1. Saya adalah satu-satunya pencipta / pemilik kandungan / orang dengan tuntutan pemilikan yang sah atas gambar dan/atau video yang dihantar.
2. Dengan ini saya menyerahkan semua hak cipta gambar dan/atau video saya di atas kepada MGTC, serta memberikan kebenaran untuk menggunakan, mengedit, menyebarkan dan menerbitkan reka bentuk saya yang difikirkan sesuai.
3. Saya telah memberi hak cipta dalam menggunakan bahan untuk membuat gambar dan/atau video saya, serta telah memperoleh persetujuan / persetujuan yang relevan dan tepat dalam penggunaan semua model / individu, lokasi, dan gambar dan/atau video yang digunakan dalam pembuatan gambar dan/video saya.
4. Saya tidak akan membuat tuntutan untuk pihak ketiga, atau mengambil tindakan undang-undang terhadap MGTC di atas penyertaan saya dalam pertandingan ini.
5. Dengan ini saya mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami syarat-syarat yang dinyatakan di bawah borang kebenaran pelepasan ini, dan bahawa dengan menandatangani borang ini, saya bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat.

**Tandatangan:** .....

**Tarikh:** .....